



قَابِتْ كَوَا حَاكِم شَرِي نَكَرِي فَو لَو قِينَع

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427



Rujukan kami : JKS/PP/100/ 3-19 ( 40 )

Tarikh : 01hb September 2010  
22 Ramadhan 1431H

Y.A Hakim Mahkamah Tinggi Syariah  
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah  
Tuan Ketua Pendaftar / Pendaftar  
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / Tuan /Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BIL 1 / 2010**

**PERMOHONAN PENGESAHAN NIKAH POLIGAMI YANG DIBUAT SETELAH ISTERI  
PERTAMA DICERAIKAN HENDAKLAH DIBUAT DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH.**

Adalah dimaklumkan bahawa Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mengeluarkan Arahan Amalan No.4 Tahun 2007 bahawa arahan amalan berhubung dengan permohonan pengesahan nikah yang berkaitan dengan poligami hendaklah dibuat di Mahkamah Tinggi Syariah dan berkuatkuasa mulai 15 Jun 2007.

Walaupun bagaimanapun bagi kes pengesahan nikah poligami yang dibuat setelah suami menceraikan isteri pertama dan pengesahan cerai telah difailkan, maka pengesahan nikah tersebut hendaklah dibuat di Mahkamah Rendah Syariah.


Arahan ini berkuatkuasa mulai 01hb September 2010.


Sekian, terima kasih.

**“CEKAP,AKAUNTIBILITI, TELUS”**

**“SYARIAH ASAS KEADILAN”**

Saya yang menurut perintah,

  
(DATUK HAJI YUSOF BIN MUSA)  
KETUA HAKIM SYARIE  
NEGERI PULAU PINANG



**SYARIAH ASAS KEADILAN**

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)